

# ANNUAL REPORT 2011

Kelantan State Economic Development Corporation

# LAPORAN TAHUNAN 2011



ڤريان ڪا جوان اقتصاد نگري ڪلنتن

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

**PKINK KSEDC PKINK KSEDC**



# KANDUNGAN

## CONTENTS

MISI & FALSAFAH KORPORAT <i>Corporate Mission and Philosophies</i>	4
AHLI LEMBAGA PENGARAH <i>Board of Directors</i>	6
STRUKTUR ORGANISASI PKINK <i>PKINK Organisation Structure</i>	9
KUMPULAN PENGURUSAN <i>Management Team</i>	10
PERUTUSAN PENGERUSI <i>Chairman's Statement</i>	13
LAPORAN KORPORAT <i>Corporate Report</i>	19
PERISTIWA KORPORAT <i>Corporate Event</i>	51
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011 <i>Financial Statement for the year ending 31st December 2011</i>	68





**“Wahai manusia Makanlah apa yang baik & dihalalkan di dunia dan janganlah kamu mengikuti langkah syaitan’ (Al-Baqarah: 168)**

**Al-Baqarah: 169**

## MISI KORPORAT

### *Corporate Mission*

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip - prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah .

*A corporate body is responsible for steering the development and growth of kelantan, in accordance with Islamic principles for the welfare of mankind.*

## FALSAFAH KORPORAT

### *Corporate Philosophy*

- Membina sebuah kumpulan yang teguh, dinamik dan berdayasaing untuk menerajui pembangunan ekonomi negeri.
- Mencetus, melaksana dan mengembangkan kegiatan-kegiatan ekonomi yang berdaya maju bagi menjamin daya hidup kumpulan.
- Mengoptimunkan sinergi melalui pengembelangan sumber asli dan kewangan serta sumber manusia.
- Melahirkan tenaga insan yang berkualiti untuk kepentingan kumpulan khususnya dan Ummah amnya dengan mewujudkan suasana dan peluang yang menjamin pembangunan kerjaya.
- Menerima pakai amalan-amalan pengurusan sejahtera yang terbukti keunggulan dan menggunakan teknologi terbaik bagi menjamin keterampilan pengurusan serta keberkesanannya.
  
- *Build a strong team, to lead a dynamic and competitive economic development.*
- *Triggers, implement and develop economic activities viable in order to ensure the survival.*
- *Optimize synergies through combination of natural resources, finance and human resources.*
- *Produce quality human capital for the benefit of Ummah in particular and generally to create a secure environment and opportunities for career development.*
- *Adoption of universal management practices and the proven benefits of using the best technology and management skills to ensure cost effectiveness.*



**PENGERUSI / *CHAIRMAN***

**YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia  
Hj. Nik Abdul Aziz B. Hj. Nik Mat**

**Menteri Besar Kelantan / Chief Minister Of Kelantan**

# AHLI LEMBAGA PENGARAH / BOARD OF DIRECTORS

**YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia  
Hj. Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Mat**

Menteri Besar Kelantan  
*Chief Minister of Kelantan*  
Pengerusi/*Chairman*

1



2

**YB Dato' Hj. Ahmad bin Yakob**  
Timbalan Menteri Besar Kelantan  
*Deputy Chief Minister of Kelantan*  
Timbalan Pengerusi/*Deputy Chairman*



3

**YB Dato' Seri Setia Raja  
Hj. Mohd Aiseri bin Hj. Alias**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan*  
*Kelantan State Secretary (Sehingga 25 Jun 2011)*



**4** **YB Dato' Dr. Hj. Zainuddin bin Hj. Ibrahim**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
*Kelantan State Secretary*  
Ahli/Member (Mulai 26 Jun 2011)



**5** **YB Dato' Hj. Mohd Faudzi bin Che Mamat**  
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan  
*Kelantan State Finance Officer*  
Ahli/Member



**6** **YB Dato' Hj. Husam bin Musa**  
Exco Kerajaan Negeri Kelantan  
*Kelantan State Exco*  
Ahli/Member



**7** **YB Dato' Hj. Anuar Tan bin Abdullah**  
Exco Kerajaan Negeri Kelantan  
*Kelantan State Exco*  
Ahli/Member



**8**

**YBhg. Datuk Hj. Rameli bin Musa**

Ahli Perniagaan / *Businessman*

Ahli/Member



**9**

**YBhg. Dato' Azmi bin Mohd Ali**

Ahli Perniagaan / *Businessman*

Ahli/Member



**10**


**YBrs. Tuan Hj. Nik Hassan Shah bin  
Nik Ab Rahman**

Timb. Setiausaha Bahagian Kawalan dan Pemantauan  
Kementerian Kewangan Malaysia

*Deputy Secretary Ministry of Finance*

Ahli/Member

# STRUKTUR ORGANISASI PKINK



# KUMPULAN PENGURUSAN MANAGEMENT TEAM



1

**Hj. Mohd Sabri bin Abdullah**  
Ketua Eksekutif Kumpulan  
*Group Chief Executive*

# KUMPULAN PENGURUSAN

## MANAGEMENT TEAM

2

**Hj. Zainal bin Abdul Rahim**  
Timbalan Ketua Eksekutif/ *Deputy CEO*  
Pengurus Khidmat Teknikal/ *Technical Services Manager*



3

**Hjh. Nik Farzimar bt. Nik Omar**  
Pengurus Perancangan Korporat  
*Corporate Planning Manager*



4

**Hj. Nik Kamil Amirah bin Nik Ab. Rahman**  
Pengurus Kewangan / *Finance Manager*





5

**Hj. Md Sanusi bin Ismail**  
Pengurus Galakan Industri & IKS /  
*Industrial Promotion & SMI manager*



6

**Hj. Nik Mohamed Kamal bin  
Nik Yusoff**  
Pengurus Pengurusan Sistem Maklumat/  
*Management Information System Manager*



7

**Hj. Mohd Adilan bin Mat Jusoh**  
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia /  
*Human Resource Management Manager*



8

**Hj. Mohd Shah bin Abd. Kadir**  
Pengurus Projek & Hartanah/  
*Project & Property Manager*



9

**Nor Azuwan bin Salleh**  
Pengurus Audit Dalaman /  
*Internal Audit Manager*



10

**Hishamuddin bin Hussein**  
Pengurus Pembangunan Usahawan /  
*Entrepreneur Development Manager*



YAB TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA HJ.NIK ABDUL AZIZ B. HJ. NIK MAT

## PERUTUSAN PENGERUSI

*Chairman's Statement*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan Yang Maha Berkuastra memiliki Kerajaan Langit dan Bumi serta selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia, Nabi Muhammad S.A.W.

*All praises to Allah, the Almighty God who owns the Kingdom of Heaven and Earth, and peace and blessings to the Exalted, Prophet Muhammad SAW.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan restu dan limpah izin-Nya saya mewakili Ahli-ahli Lembaga Pengarah PKINK dengan berbesar hati membentangkan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan PKINK yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2011.

*My highest gratitude to Allah the Almighty for His blessings and His grace allow me to represent members of the PKINK Board of Directors to submit, with great pleasure, the audited PKINK Activity Report and Financial Statements for the financial year ended 31 December 2011.*

Ekonomi Malaysia telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang stabil iaitu sebanyak 5.1% pada tahun 2011 walaupun dalam persekitaran ekonomi antarabangsa yang agak mencabar. Pertumbuhan lebih sederhana pada separuh tahun pertama, disebabkan ekonomi terjejas oleh kelemahan yang menyeluruh dalam ekonomi maju dan gangguan dalam rantai bekalan perkilangan global disebabkan oleh bencana tsunami yang melanda Jepun pada awal tahun. Krisis kewangan di Eropah yang masih berlarutan sejak tahun 2009 turut memberi kesan kelembapan dalam iklim perkembangan ekonomi global, namun pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah lebih baik disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh hasil kombinasi dan sokongan pelbagai program transformasi nasional termasuklah Gagasan 1 Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan RMKe-10

*The Malaysian economy registered a steady growth rate of 5.1% in 2011 despite the relatively challenging international economic environment. Growth was more moderate during the first half of the year as the economy was affected by the overall sluggishness in the advanced economies and the disruptions in the global manufacturing supply chain caused by the tsunami that struck Japan early in the year. The financial crisis in Europe which has persisted since 2009 also contributed to the slowdown in global economic development, but the growth of the Malaysian economy was better due to stronger domestic demand as a result of a combination of and support from various national transformation programmes including the 1Malaysia concept, Government Transformation Programme (GTP), Economic Transformation Programme (ETP) and the 10th Malaysia Plan.*

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.2% pada tahun 2011, didorong oleh perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan serta penggunaan sektor awam yang lebih tinggi. Penggunaan swasta semakin kukuh pada tahun 2011, dengan mencatat peningkatan sebanyak 6.9% yang disokong oleh pertumbuhan yang menyeluruh dalam pendapatan berikutnya pasaran pekerja yang secara keseluruhannya bertambah baik dan harga komoditi yang lebih tinggi. Pelaburan swasta berkembang sebanyak 14.4% pada tahun 2011. Perbelanjaan modal yang lebih tinggi adalah ketara dalam semua sektor, terutamanya pada separuh tahun pertama, didorong sebahagian besarnya oleh permintaan dalam negeri yang kukuh.

*Domestic demand registered a strong growth of 8.2% in 2011, driven by household and business spending as well as higher consumption in the public sector. Private consumption was stronger in 2011, registering an increase of 6.9% which was supported by broad based growth in revenues due to improvement in the overall labour market and higher commodity prices. Private investment grew by 14.4% in 2011. Capital expenditure was significantly higher in all sectors, particularly in the first half, largely driven by strong domestic demand.*

Walau bagaimanapun, momentum pelaburan yang kukuh mula menjadi sederhana sedikit menjelang separuh tahun kedua, terutama sekali dalam sektor perkilangan, berikutan ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran ekonomi global. Sektor awam terus menyokong pertumbuhan pada tahun itu. Penggunaan sektor awam berkembang sebanyak 16.8% pada tahun 2011 berikutan perbelanjaan awam yang lebih tinggi bagi emolumen, bekalan dan perkhidmatan, serta pembayaran bonus sebulan gaji pada tahun itu. Pelaburan awam, bagaimanapun, menguncup sebanyak 2.4% pada tahun 2011 ekoran pakej rangsangan kedua yang luput pada tahun 2010.

*However, the strong investment momentum began to moderate slightly during the second half, particularly in the manufacturing sector, due to the increased uncertainty in the global economic environment. The public sector continued to support growth in that year. Public sector consumption grew by 16.8% in 2011 due to higher public expenditure on emoluments, supplies and services, and the payment of a one-month bonus during the year. Public investment, however, contracted by 2.4% in 2011 following the expiry of the second stimulus package in 2010.*

Ekonomi Kelantan adalah unik berbanding negeri-negeri lain berikut ia dibangunkan berlandaskan kepada perundangan Islam. Perlaksanaan pembangunan negeri berasaskan Islam direncanakan menerusi Dasar Membangun Bersama Islam (DMBI) dan ianya terbukti telah berjaya membawa Kelantan ke tahap pembangunan ekonomi dan sosial yang seimbang serta memberangsangkan, berbanding sebelum perlaksanaannya. Dominasi Pengusaha Kecil & Sederhana (SMEs) dalam kegiatan ekonomi negeri Kelantan ini juga merupakan kusyen utama yang meminimakan impak kerapuhan ekonomi global ke atas kerancakan pembangunan negeri. Ini dapat dilihat dengan jelas dari kuasa membeli rakyat negeri ini contohnya unit-unit harta tanah yang terjual dalam tempoh yang singkat sebaik dilancarkan, serta pelaburan dalam komoditi emas yang bagai tiada penghujung.

*Kelantan's economy is unique compared to that of other states because it is developed based on Islamic laws. The implementation of Islamic-based state development is planned using the Developing with Islam Policy and it has been successful in taking Kelantan into balanced and robust economic and social development compared to the period before its implementation. The dominance of small & medium enterprises (SMEs) in Kelantan's economy is also the key cushion that minimises the impact of global economic fragility on the state's thriving development. This can be seen clearly from the purchasing power of the people of the state, for example property units that are sold out in a short period immediately after launch and endless investments in commodities such as gold.*

Dengan misi yang satu iaitu memajukan ekonomi negeri Kelantan mengikut prinsip Islam demi kesejahteraan ummah, PKINK dengan sokongan jitu 22 syarikat anak kumpulannya yang menjadi jentera penggerak, terus mengoptimumkan usaha memajukan pelbagai bidang sepanjang tahun 2011 termasuk di dalam sektor perladangan, perkhidmatan, harta tanah, pelancongan, sumber galian, pertanian dan perkayuan.

*With the single mission of promoting Kelantan economic development in accordance with the principles of Islam for the benefit of the ummah, PKINK with the firm support of its 22 subsidiaries that act as the catalyst, further optimised efforts to develop various sectors throughout 2011 including plantation, services, real estate, tourism, minerals, agriculture and timber.*

Disokong oleh purata harga komoditi buah tandan segar (BTS) yang meningkat kepada RM 680 per MT berbanding RM605 per MT pada tahun 2010 berikutna peningkatan dalam permintaan dan kekurangan dalam pembekalan di peringkat global, sektor perladangan yang terdiri dari Syarikat Ladang Sungai Terah, Ladang Tapis dan Ladang Lubok Bongor terus kekal menerajui kumpulan sebagai penyumbang keuntungan terbesar kumpulan.

*Supported by the average price of the fresh fruit bunch (FFB) commodity which increased to RM680 per MT compared to RM605 per MT in 2010 due to higher demand but low supply globally, the plantation sector comprising Syarikat Ladang Sungai Terah, Ladang Tapis and Ladang Lubok Bongor continued to lead the group as the largest contributor to the group's profits.*

Bagi tahun 2011, kedudukan sektor perkhidmatan terus kukuh disokong aktiviti syarikat-syarikat anak dalam kumpulan antaranya sumbangan lumayan dari syarikat penyedia infrastruktur telekomunikasi iaitu Infra Quest Sdn Bhd (IQSB) hasil sewaan 200 unit menara dimiliki yang disewakan kepada telco antaranya Celcom, Maxis, Digi, Sapura, Packet One, Telekom dan lain-lain serta limpahan pendapatan disumbangkan oleh ASCII sebagai kontraktor pembinaan menara telekomunikasi. Sejumlah RM 8,420,466 pendapatan telah disumbangkan oleh subsektor ini kepada kumpulan pada tahun semasa.

*In 2011, the service sector remained strong supported by activities of the subsidiaries, among them the generous contribution from the telecommunications infrastructure provider, Infra Quest Sdn Bhd (IQSB), from rental of 200 towers to telcos including Celcom, Maxis, DiGi, Sapura, Packet One and Telekom as well as income contributed by ASCII as the contractor for the construction of the telecommunications towers. A total of RM8,420,466 was contributed by this subsector to the group's income during the year.*

\* Gambar Latar Belakang (JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI KELANTAN)

Tren masyarakat kini yang bukan sahaja menjadikan emas sebagai sumber bantuan kewangan alternatif malah faktor harga emas yang stabil menjadi pendorong untuk ianya dijadikan sebagai bentuk pelaburan baru telah membantu PKB mengukuhkan kedudukannya dalam aktiviti bisnes pajak gadai Islam Ar-Rahn dengan pendapatan upah simpan dicatatkan meningkat kepada RM18,842,843 pada tahun 2011 berbanding RM RM14,151,408 pada tahun sebelumnya.

*The trend of today's society in regarding gold as an alternative source of financial support and also the stable price of gold have driven people to accept it as a new form of investment. This helped strengthen PKB's position in Islamic pawn broking business activities, Ar-Rahn, with the safekeeping fee income surging to RM18,842,843 in 2011 compared to RM14,151,408 in the previous year.*

Sektor hartanah juga tidak ketinggalan dalam menyumbangkan pendapatan memberangsangkan kepada kumpulan melalui syarikat-syarikat anak seperti SPP Development Sdn Bhd, Kelkon, Binaraya dan Sinaran Pantai Timur Consortium dengan pendapatan dari jualan unit perumahan bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM9,026,821 manakala kontrak pembinaan menyumbangkan RM39,344,741 kepada pendapatan kumpulan. Antara projek-projek hartanah yang berjaya disiapkan dalam tahun 2011 ialah projek pembangunan 16 unit banglo satu tingkat di Taman Cahaya Binaraya (Fasa 2A), Tanah Merah, 9 unit banglo satu tingkat di Taman Sri Mesa Binaraya Fasa 1 D), Pasir Mas, 11 unit teres dua tingkat di Perumahan PKINK Machang (Fasa 4B), 50 unit teres dua tingkat di Taman Kurnia Jaya Fasa 5A dan lain-lain. Kerjasama bagi projek pembinaan jalan melibatkan kontrak pusat dengan pihak JKR turut membantu syarikat Kijang Kuari Sdn Bhd mengembangkan perniagaannya seterusnya menyumbang peningkatan dalam pendapatan diperoleh pada tahun 2011 iaitu kepada RM 11,252,789.

*The real estate sector was not left out in contributing encouraging income to the group through subsidiaries such as SPP Development Sdn Bhd, Kelkon, Binaraya and Sinaran Pantai Timur Consortium with income from sales of housing units in 2011 amounting to RM9,026,821 while construction contracts contributed RM39,344,741 to the group. The various projects completed in 2011 included a development project of 16 units of single storey bungalows in Taman Cahaya Binaraya (Phase 2A), Tanah Merah, 9 units of single storey bungalows in Taman Sri Mesa Binaraya (Phase 1 D), Pasir Mas, 11 units of double storey terrace houses in Machang PKINK Housing (Phase 4B) and 50 units of double storey terrace houses in Taman Kurnia Jaya Phase 5A. Cooperation in road construction projects involving central contract with the Public Works Department also helped Kijang Kuari Sdn Bhd to expand its business, thus contributing to an increase in the income in 2011 to RM11,252,789.*

Berpegang kepada misi untuk menjadi sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam, untuk kesejahteraan Ummah, serta mengamalkan budaya kerja berteraskan Ubudiah, Masuliah dan Itqan, PKINK serta syarikat-syarikat dalam kumpulan telah berjaya mencapai kejayaan sepetimana disasarkan.

*Adhering to its mission to be a responsible corporate body in leading the development and growth of the state economy based on Islamic principles for the well-being of the ummah, as well as practising a work culture based on ubudiah (worship), masuliah (responsibility) and itqan (perfection), PKINK and the companies in the group managed to achieve their targets.*

# **PRESTASI KEWANGAN**

## **FINANCIAL PERFORMANCE**

### **PERBADANAN**

### **CORPORATION**

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2011 pendapatan operasi Perbadanan telah menurun kepada RM 15.148 juta berbanding pada tahun 2010 berjumlah RM 18.638 juta. Penurunan sebanyak 18.7% ini disebabkan oleh penurunan jualan projek sebanyak RM 3.459 juta manakala terdapat penurunan dari hasil sewa bangunan Perbadanan sebanyak RM 0.031 juta.

*For the financial year ended 31 December 2011, the corporation's operating income declined to RM15.148 million compared to that in 2010 of RM18.638 million. The 18.7% drop was due to lower project sales of RM3.459 million, while there was a decrease in the corporation's building rental income of RM0.031 million.*

Walaupun penurunan dalam pendapatan Perbadanan , margin keuntungan kasar perbadanan telah meningkat kepada 96.6% daripada hasil pendapatan berbanding dengan 77.4% pada tahun 2009.Pendapatan bukan operasi pada tahun 2011 telah mengalami sedikit penurunan kepada RM 7.157 juta berbanding RM 7.428 juta pada tahun lepas.Penurunan sebanyak 3.6% ini di sebabkan oleh penurunan dividen diterima .

*Despite the decline in the income of the corporation, its gross profit margin increased to 96.6% of income compared to 77.4% in 2009. Non-operating income in 2011 declined slightly to RM7.157 million from RM7.428 million in the previous year. The drop of 3.6% was due to the decrease in dividend income.*

Bagi segmen perbelanjaan pula,belanja operasi dan kendalian meningkat sebanyak 2.2% kepada RM 19.851 juta berbanding dengan tahun 2010 sebanyak RM 19.424 juta di sebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan semasa dan tanggung jawab korporat (CSR). Pengucupan dalam pendapatan operasi dan sedikit peningkatan dalam belanja operasi dan kendalian telah menyebabkan keuntungan bersih Perbadanan telah menurun kepada RM 0.954 juta berbanding dengan tahun 2010 sebanyak RM 1.436 juta .

*In the expenditure segment, operating and management expenses increased by 2.2% to RM19.851 million compared to that in 2010 of RM19.424 million due to the increase in current and corporate social responsibility (CSR) expenditure. The contraction in the operating income and a slight increase in operating expenditure resulted in decline of the corporation's net profit to RM0.954 million compared to that in 2010 of RM1.436 million.*

### **KUMPULAN / GROUP**

Kumpulan PKINK telah mencatat pendapatan pada tahun 2011 berjumlah RM 228.094 juta, mewakili penurunan sebanyak 13.5% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM 263.670 juta. Faktor utama ialah hasil sumbangan dari jualan perumahan komersil yang mengucup sebanyak RM36 juta dipengaruhi oleh kelewatan dalam menyiapkan projek-projek perumahan berikut pelbagai masalah teknikal mengurangkan unit-unit perumahan sedia untuk jualan.

*The PKINK group recorded an income of RM228.094 million in 2011 representing a decrease of [13.5 ]% over the previous year's RM263.670 million. The main factor was the contraction in contribution from commercial housing sales of RM36 million due to the delay in the completion of housing projects as a result of various technical problems that reduced the number of housing units available for sale.*

Impak penahanan kompartmen 95, 96, 98 dan 99 oleh Jabatan Perhutanan pada tahun 2010 yang berlarutan sehingga Ogos 2011 terus melesukan operasi syarikat Kompleks Perkayuan Kelantan (KPK) yang melibatkan jualan balak dan jualan kayu bergergaji. Ini bukan hanya merugikan tetapi juga secara tidak langsung melewatkan proses pembukaan di kawasan lain. Kesannya, sektor perhutanan telah mencatatkan pengucupan pendapatannya iaitu sebanyak RM 6.092 juta berbanding tahun 2010.

*The impact of the retention of compartments 95, 96, 98 and 99 by the Forestry Department in 2010 that lasted until August 2011 continued to debilitate Kelantan Timber Complex (Kompleks Perkayuan Kelantan – KPK) operations, which involve logs and sawn timber sales. This was not only financially detrimental but also indirectly delayed the process of opening of other areas. As a result, the income of the forestry sector contracted by RM6.092 million compared to 2010.*



Hasil pengurangan dalam kos jualan iaitu kepada RM 120,891,434 berbanding RM, RM158.458 juta tahun sebelumnya selari dengan pengurangan pendapatan membolehkan keuntungan kasar diperoleh kumpulan meningkat kepada RM 107.203 juta dalam tahun 2011 berbanding RM 105.211 juta pada tahun 2010.

*The reduction in cost of sales to RM120,891,434 compared to RM158.458 million in the previous year was in line with the contraction of the revenue resulting in the corporation's gross profit growing to RM107.203 million in 2011 compared to RM105.211 million in 2010.*

Perbelanjaan mengurus dan kendalian serta belanja kewangan masing-masing meningkat kepada RM 81.957 juta (5%) dan RM 5.863 juta (14%). Walaupun diimbangi oleh lain-lain pendapatan diperoleh dan perkongsian keuntungan syarikat bersekutu masing-masing berjumlah RM 15.901 juta dan RM 1.744 juta, namun masih belum mampu membendung pengurangan dalam keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan iaitu berjumlah RM 37,028 juta berbanding RM43.019 juta pada tahun 2010.

*Operating expenditure and financial expenses grew to RM81.957 million (5%) and RM5.863 million (14%) respectively. Although offset by other income and sharing of profits by associate companies totalling RM15.901 million and RM1.744 million respectively, it was still unable to contain the contraction in the profit before tax amounting to RM37.028 million compared to RM43.019 million in 2010.*

Pengurangan tersebut turut memberikan impak yang sama terhadap keuntungan bersih selepas cukai dan kepentingan minoriti kumpulan pada tahun 2011 yang berjumlah RM 25.420 juta, iaitu 20% dibawah pencapaian tahun 2010 yang berjumlah RM 31.307 juta.

*The contraction also had the same impact on the group's net profit after tax and group minority interest in 2011 which amounted to RM25.420 million, i.e. 20% below the 2010 figure of RM31.307 million.*

## PENGHARGAAN

Bagi pihak PKINK, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan serta seluruh anggota PKINK di atas semangat yang kental, usaha yang gigih dan istikomah yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2010. Saya juga mengucapkan terima kasih terutama kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan dan Agensi Kerajaan, individu serta syarikat swasta yang turut memberi sokongan padu serta kerjasama erat kepada PKINK dengan harapan agar jalinan kerjasama dapat diteruskan, diperkuat dan dikembangkan di masa hadapan.

## APPRECIATION

*On behalf of PKINK, I express my sincere appreciation and gratitude to the members of the Board of Directors, the management and all personnel of PKINK for demonstrating strong spirit, determination and continuous effort throughout 2010. I would also like to thank especially the federal government, Kelantan State Government, government departments and agencies, individuals and private companies that have given full support and cooperation to PKINK and hope that the cooperation will be continued, strengthened and expanded in the future.*



# LAPORAN KORPORAT



## **BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia memainkan peranan yang penting dalam menguruskan tenaga kerja bagi memastikan ianya berada di tahap kecekapan yang memuaskan dan digunakan sebaik yang mungkin. Di samping itu juga, bahagian ini bertanggungjawab dalam memastikan kecekapan pentadbiran dan pengurusan serta menyediakan latihan atau kursus yang bersesuaian mengikut keperluan anggota itu sendiri seperti kursus anjuran swasta mahupun kerajaan.

Dalam usaha memantapkan dan mempertingkatkan keupayaan serta tahap kecekapan sumber manusia dalam organisasi, PKINK sentiasa membuat semakan dan meneliti kedudukan semua anggota terutama dari segi penempatan kerja dan keperluan tugas bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanannya tugas di semua peringkat pengurusan dan pentadbiran.

Dalam meningkatkan tahap pengetahuan, sikap dan disiplin anggota PKINK, beberapa program latihan telah disusun sepanjang tahun 2011. Antaranya ceramah motivasi, ceramah kesihatan, ceramah kerohanian disamping seminar dan kursus khas dalam bidang masing-masing untuk meningkatkan tahap kecekapan anggota PKINK.

Selain itu, anggota-anggota juga telah diberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran masing-masing dengan mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh INTAN, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan badan-badan profesional yang lain.

## **BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT**

Dalam tahun 2011, Bahagian Perancangan Korporat masih memegang misi bahagian dalam memastikan setiap penglibatan Kumpulan Perbadanan dalam aktiviti pelaburan baik secara langsung mahupun melalui syarikat anak memberikan pulangan yang menepati sasaran PKINK. Ini dapat dicapai dengan pemantauan serius ke atas operasi dan pengurusan kewangan Perbadanan dan syarikat-syarikat anak agar selaras dengan objektif penubuhan masing-masing dan serta mematuhi belanjawan yang telah diluluskan. Pemantauan ke atas pengembangan perniagaan Kumpulan PKINK yang turut diambil berat agar tidak terjerumus ke dalam "Red Ocean" dan sepadan dengan kemampuan syarikat.

### **1) Pemantauan Syarikat Anak**

Seperi di tahun-tahun lepas, aktiviti utama BPK sepanjang tahun 2011 ialah menilai, memantau dan mengawal selia prestasi kewangan dan pelaksanaan fizikal syarikat-syarikat anak. Sejumlah 22 syarikat anak kumpulan berada di bawah pemantauan dan seliaan BPK pada tahun 2011.

Mekanisma bagi pemantauan ke atas syarikat-syarikat anak ini melalui penelitian ke atas laporan operasi dan kewangan bulanan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat anak. Setiap suku tahun, semua anggota pengurusan kanan syarikat anak akan dipanggil ke mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Syarikat Anak. Untuk tahun 2011, mesyuarat tersebut telah diadakan sebanyak empat (4) kali, iaitu pada bulan Februari, Jun, Ogos dan November. Pembentangan bajet disemak 2011 dan bajet tahun 2012 syarikat anak turut menggunakan platform yang sama. Melalui mesyuarat tersebut, bukan sahaja prestasi kewangan dan operasi syarikat anak dapat diperjelas, malah hal-hal berkaitan pengurusan serta perancangan dan pelaksanaan projek dan program baru turut dibincangkan.

Dari mesyuarat dan pembentangan yang dibuat, Laporan Prestasi Syarikat Anak Kumpulan PKINK disediakan dan dibentangkan kepada Lembaga Perbadanan pada setiap suku tahun untuk makluman dan perakuan. Dalam tahun 2011, Lembaga Perbadanan telah meluluskan secara dasar pelaksanaan Plan Transformasi Kumpulan yang dirangka oleh Konsultan Insight Value Sdn Bhd sejak tahun 2010. Sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk meneliti dengan lebih lanjut modus pelaksanaannya.

Dalam menyempurnakan amanah untuk memastikan pelaburan Kumpulan menghasilkan pulangan yang setimpal dan optima, wakil BPK telah menyertai misi kerja ke Chendu, China dari 26 Oktober sehingga 1 November 2011 untuk meninjau kredibiliti pelabur yang telah menunjukkan minat membangunkan semula tapak Perdana Resort di Pantai Cahaya Bulan. Sekembali ke tanah air, BPK kekal menjadi pejabat perantara untuk komunikasi formal dan pertukaran maklumat antara PKINK dengan pelabur tersebut. BPK juga terlibat secara langsung dalam pemulihan dan pembangunan semula Perdana Resort melalui keahlian dalam Jawatankuasa Pemantapan yang ditubuhkan oleh perbadanan agar pemantauan lebih teliti dapat dilakukan oleh ibu pejabat ke atas perjalanan syarikat.

### **2) Pemantauan Projek**

BPK terus bertindak sebagai sekretariat untuk Jawatankuasa Pelaburan PKINK, yang berfungsi untuk menilai dan memperakuan semua cadangan pelaburan baru oleh PKINK dan syarikat kumpulan, serta memastikan cadangan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dilaksanakan dengan lancar dan sempurna. Mesyuarat tersebut telah bersidang sebanyak lapan (8) kali dalam tahun 2011 dimana semua isu dan permasalahan berkaitan dengan pembangunan projek-projek dapat dikenal pasti dan diformulasikan kaedah penyelesaian, lantas masalah dapat ditangani dengan lebih berkesan dan pantas. Bagi tahun 2011, sebanyak 35 projek utama dalam penelitian Jawatankuasa Pelaburan.

Jawatankuasa Pelaburan PKINK juga turut mengadakan lawatan ke Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) di negeri Johor pada 18hb hingga 21hb Oktober 2011, dalam usaha untuk mengembangkan minda melalui perkongsian ilmu dan pengalaman serta meninjau pembangunan yang telah dibuat.

### **3) Penyelarasan Projek Rancangan Malaysia Lima Tahun**

BPK juga meneruskan fungsi sebagai penyelaras kepada penyediaan laporan-laporan mengenai perbelanjaan peruntukan serta pencapaian RMK 9 kepada Kementerian Kewangan (MOF) terutamanya perbelanjaan untuk peruntukan tambahan yang diluluskan di penghujung tahun 2010 untuk projek-projek Gerai Tok Bali dan Medan Ikan Bakar di Kampung Siti Mani dan Pusat Pembangunan Usahawan & PKS Makanan Halal di Pengkalan Chepa.

Sebagai pejabat perantara dengan Kementerian Kewangan, wakil PKINK juga turut menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (pengurusan) dan Setiausaha Bahagian Dasar Saran dan Wang Awam, serta dihadiri oleh wakil semua jabatan dan agensi di bawah kementerian. Mesyuarat JKP telah diadakan sebanyak empat kali dalam tahun 2011, manakala JKPP telah diadakan sebanyak enam kali. Hasil daripada mesyuarat-mesyuarat ini, wakil BPK telah berjaya mendapatkan lebihan siling Kementeriaan sebanyak RM400,000 untuk pembangunan Portal Kelantan Gateway dibawah "Notice of Change".

Wakil BPK turut dijemput untuk menyertai Bengkel dan Kursus yang berkaitan dengan permohonan peruntukan dan pelaporan perbelanjaan anjuran bersama MOF dan Unit Koordinasi Penyelaras Pelaksanaan (ICU) JPM. Bengkel dan kursus yang di sertai oleh wakil BPK dalam tahun 2011 ialah Penambahbaikan SPP II dan kemasukan permohonan Rolling Plan Ke-2 RMK yang berlangsung pada 2hb Februari 2011, manakala Bengkel Outcome- Based Budgeting (OBB) Siri-1 pada 28hb hingga 30hb Julai 2011 dan Siri-2 pada 27hb hingga 29hb Ogos 2011 anjuran Kementerian Kewangan.

### **4) Penyelarasan Projek Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER)**

Sepanjang tahun 2011, BPK meneruskan peranan sebagai penyelaras antara PKINK dengan ECERDC bagi projek-projek penanaman cendawan dan baja vermicompos. Pembangunan projek ini dilapor secara berkala kepada ECERDC melalui mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program Suri@Home yang telah diadakan sebanyak enam (6) kali. Selain program Suri@ Home, BPK juga menjadi penyelaras kepada lain-lain projek ECERDC yang dilaksanakan di atas tanah di PKINK, iaitu Pembangunan Taman Industri Marin di Tok Bali.

### **5) Kolaborasi Industri – Agensi Swasta**

Dalam tahun 2011, BPK meneruskan peranan sebagai penyelaras kolaborasi antara PKINK dan SIRIM BHD bagi melaksanakan kajian yang menyeluruh ke atas Kompleks Pengeluaran Produk-Produk Halal di Pengkalan Chepa, Kota Bharu yang tertunda sejak tahun 2010. Setelah "Due Diligence" dilaksanakan, SIRIM telah mengemukakan syor atau cadangan penambahbaikan dan menaiktaraf premis-premis kilang di kompleks tersebut bagi tujuan mendapatkan Persijilan Halal, Amalan Pengilangan yang Baik (GMP) dan Titik Kawalan Kritikal Analisis Bahaya (HACCP) dan menyediakan modal kerja berbentuk dana pusingan. Hasil kajian dan laporan SIRIM telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Perangcangan Ekonomi (EPU) untuk mendapatkan semula peruntukan yang tidak dapat dikeluarkan dalam tahun 2010 sebanyak RM 7.6 juta sebagaimana yang dihuraikan di atas, permohonan tersebut diluluskan dibawah Rolling Plan Ke-2 Rancangan Malaysia Ke-10 dan pengeluaran akan dapat dibuat dalam tahun 2012.

### **6) Lain-Lain Tugas**

Lain-lain penglibatan BPK adalah menyelaras jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang diutarakan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri, memberikan input semasa kajian separuh penggal budget PKINK dan juga menyediakan Taklimat Korporat untuk kunjungan rasmi pihak luar dari semasa ke semasa.

Dalam memastikan ilmu pegawai-pegawai BPK sentiasa relevan dengan amalan pengurusan kontemporari, beberapa kursus anjuran pihak luar telah dihadiri iaitu kursus Belanjawan bagi Sektor Kerajaan, kursus Tourism Awareness and Product Development, seminar Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Dalam Konteks Semasa, kursus 9 Tabiat Insan Ehsan, kursus 'Skills in Managing People. Aktiviti-aktiviti BPK sepanjang tahun 2011 seperti yang dinyatakan di atas, telah dapat dilaksanakan dengan berkesan sekali.

## **BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

Dunia keusahawanan dan perniagaan memang menjanjikan ganjaran yang lumayan namun disebaliknya juga terdapat pelbagai cabaran dan rintangan bahkan risiko yang boleh membantutkan sesuatu program atau usaha yang telah dijalankan. Banyak faktor yang memungkinkan kejayaan seseorang usahawan di antaranya ialah ilmu, keberanian, kreatif, bersikap positif dan persekitaran yang kondusif. Dalam konteks ini, Bahagian Pembangunan Usahawan terus memainkan peranan utamanya dalam mengendalikan program-program peningkatan keusahawanan yang merangkumi proram-program latihan, kursus dan seminar. Antara aktiviti yang telah dijalankan disepanjang tahun 2011 adalah:

- 25 - 27 Februari 2011 - Menyertai Ekspo Halal Penang (PIHEC) 2011 bertempat di Penang International Sports Arena (PISA). Melibatkan 10 orang usahawan di bawah bimbingan Pembangunan Usahawan.
- 1 Mac 2011 - Mengadakan sesi taklimat kepada Guru Pengelola Program Usahawan Muda bertempat di Perdana Resort. Program ini melibatkan 42 buah sekolah dan 84 orang Guru Bimbangan.
- 11 - 12 April 2011 - Mengendalikan Seminar Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Program Usahawan Muda bertempat di Perdana Resort dan melibatkan 22 buah sekolah, 40 orang Guru dan 110 orang murid.
- 14 - 17 April 2011 - Sempena Mesyuarat IMT-GT-JBC 2011 seramai 20 orang usahawan di bawah bimbingan telah mengambil bahagian dalam friendship Fest bertempat di Dataran Kemerdekaan Kota Bharu.
- 1 Mei 2011 - Mengendalikan Pra Konvensyen Mini Program usahawan Muda Peringkat Zon Tanah Merah. Program ini melibatkan seramai 12 buah sekolah, 24 orang guru dan 372 orang pelajar.
- 25 - 29 Mei 2011 - Menyertai THAIFEX 2011 (World Of Food) bertempat di IMPACT CONVENTION & EXHIBITION CENTRE, Muang Thong Thani, Bangkok, Thailand.
- 18 - 20 Jun 2011 - Mengendalikan Konvensyen Program Usahawan Muda Peringkat Negeri Kelantan bertempat di Perdana Resort. Melibatkan sebanyak 41 buah sekolah, 78 orang guru dan 78 orang pelajar.
- 1 - 2 Julai 2011 - Mengendalikan Bengkel Intensif Persediaan Konvensyen program usahawan Muda Peringkat Nasional bertempat di Sudara Beach Resort dan melibatkan 2 orang guru pembimbing dan 7 orang pelajar.
- 14 - 23 Julai 2011 - Mengendalikan Program Padanan Perniagaan di Bazar Tok Guru bersempena dengan Pesta Makanan Antarabangsa Cheng Ho (KELCHEF 2011).
- 22 - 24 Julai 2011 - Mengendalikan program lawatan Kontinjen PUM Negeri Kelantan ke Negeri Perak. Melibatkan 8 buah Sekolah, 6 orang guru dan 24 orang pelajar.
- 14 - 17 September 2011 - Mengendalikan Latihan Guru Pembimbing bagi Program Usahawan Muda bertempat di Hydro Hotel Penang dan melibatkan sebanyak 4 buah sekolah dan 88 orang guru.
- 18 - 19 Disember 2011 - Menganjurkan Bengkel Pemasaran Strategik bertempat di Dewan Seminar, Pusat Dagangan Kelantan, Kota Bharu dan melibatkan 50 orang peserta.
- 24 - 27 Disember 2011 - Menyertai Pesta Pulau Pinang bertempat di Tapak Ekspo Sungai Nibong, Pulau Pinang dan melibatkan 5 orang usahawan pembimbing.

## BAHAGIAN GALAKAN INDUSTRI DAN IKS

Bahagian Galakan Industri Dan IKS telah meneruskan tanggungjawab dengan memberi tumpuan kepada aktiviti penggalakan dan pembangunan Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II dan Gua Musang. Bahagian ini juga telah meneruskan usaha dengan mengisi kekosongan lot-lot kilang sedia ada dan bangunan kilang sedia bina dengan pelabur-pelabur tempatan dan juga pelabur luar.

Di samping itu, bahagian ini telah menjalankan semakan dan pemantauan bagi memastikan para pelabur yang telah membuat pembelian tanah lot kilang melakukan pembayaran mengikut jadual yang telah ditetapkan. Bahagian ini telah mengambil tindakan yang efisien kepada premis kilang-kilang Siap Bina dan Inkubator yang disewa, bagi memastikan kutipan sewa berjalan dengan lancar.

Bahagian ini juga telah mengadakan pemantauan terutama ke atas tapak tanah yang telah dijual bagi memastikan pelabur-pelabur yang telah membeli tanah tersebut mendirikan kilang dan memulakan operasi dari semasa ke semasa. Usaha-usaha ini juga dilakukan bagi membantu proses pindah milik tanah yang telah dibeli daripada Perbadanan kepada pembeli yang menjelaskan bayaran sepenuhnya dengan menyediakan kertas kerja permohonan pindah milik untuk diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Selain itu, Bahagian ini turut mengadakan kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) Negeri Kelantan, Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan serta Majlis Perbandaran Kota Bharu bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II. Di antara tindakan yang dilakukan termasuklah menambah bilangan lampu jalan, menurap dan menaik taraf jalan sedia ada serta membersihkan longkang-longkang di sekitar kawasan industri.

## **BAHAGIAN MIS**

Pada tahun 2011, PKINK telah terlibat dalam pengurusan dan pembangunan ICT. Antara penglibatan tersebut adalah sepermata berikut:

- Pembangunan Sistem eHartanah bagi tujuan pemantauan dan pengurusan aset Hartanah PKINK
- Pengagihan iPad2 kepada anggota kumpulan pengurusan PKINK bagi tujuan peningkatan produktiviti anggota
- Implementasi Sistem Aset Alih
- Merekabentuk dan membangun laman web baru PKINK
- Kerja-kerja Pendawaian dan penandaan semula Bilik Server PKINK yang turut melibatkan kerja-kerja susun atur dan kemaskini bilik tersebut
- Mengadakan Seminar Keusahawanan ICT dengan kerjasama antara ICT Incubator Centre Sdn Bhd (IICSB), Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan Kelantan pada 18 Oktober 2011
- Melakukan lawatan kerja ke Pahang Technology Resources bersama Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat Negeri Kelantan pada 16 November 2011

Selain daripada itu, kerja-kerja sokongan seperti khidmat meja bantuan, latihan dan lain-lain operasi berkaitan ICT kumpulan PKINK adalah berjalan seperti biasa.

## **SEKTOR PERLADANGAN**



## **SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH**

Bagi tahun kewangan 2011 pihak Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd telah mencapai keuntungan di audit sebelum cukai sebanyak RM24,806,493 dan selepas cukai sebanyak RM21,684,327 berbanding prestasi tahun 2010 sebanyak RM18,747,602 sebelum cukai dan RM13,204,602 selepas cukai. Terdapat peningkatan sebanyak 32%. Peningkatan pendapatan kesan dari peningkatan hasil keluaran syarikat serta dibantu faktor harga komoditi sawit dan getah yang agak baik pada tahun ini.

Pembangunan ladang di Jajahan Jeli iaitu Ladang Lubok Bongor, Ladang Tapis dan Ladang Kuala Balah juga berjalan mengikut jadual dan pembangunan ladang getah klon balak di Ladang Nenggiri seluas 4048 hektar juga berjalan lancar.

Dengan keuntungan yang dicapai bayaran dividen telah dibuat sebanyak RM3.5 juta pada tahun berakhir 2011.

Bagi perancangan pembinaan Kilang Sawit Tapis, pihak syarikat sedang dalam proses perbincangan tentang terma dan syarat dengan pihak kontraktor agar pembinaan kilang memproses buah tandan segar sawit berjalan lancar. Kilang tersebut akan ditempatkan di tapak kilang berhampiran dengan Ladang Tapis. Kilang yang bina ini bakal memproses sawit dari ladang-ladang milik kumpulan serta ladang-ladang di sekitar milik persendirian, swasta dan kerajaan. Kilang tersebut berkapasiti 30mt/jam dan akan dipertingkatkan kepada kapasiti 45mt/jam mengikut pengeluaran hasil sawit di kawasan tersebut. Lesen kebenaran membina kilang dari pihak MPOB (Malaysian Palm Oil Board) telah diperolehi dan kilang tersebut dijangka beroperasi pada awal tahun 2014.

Bagi melancarkan pengangkutan minyak sawit kelak, pihak syarikat membina jalan utama yang menghubungkan jambatan kampung Jerimbong ke tapak Kilang Sawit tersebut. Pihak Kijang Kuari telah dilantik untuk kerja-kerja membina dan menyiapkan jalan utama tersebut dan dijangka memulakan projek pada awal tahun 2012. Pada masa ini proses pengambilan balik tanah sedang berjalan dengan kerjasama pihak Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli. Jalan utama ini dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2013. Jalan ini juga bakal memberi kemudahan kepada penduduk kampung di kawasan tersebut.

## **SEKTOR PERKHIDMATAN**

### **PERMODALAN KELANTAN BERHAD**

Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah memperkembangkan lagi Rangkaian Pajak Gadai Islam Ar-Rahn dengan pembukaan Cawangan Ar-Rahn yang ke 25 di Kompleks Perniagaan Saidina Ahli, Jalan Kuala Krai, Kok Lanas, Kota Bharu pada 20 Januari 2011.

Melancarkan Koperasi Rakyat Kelantan Berhad (KRKB) pada 8 Ogos 2011 di Dewan Konvensyen Kelantan Trade Centre. Majlis ini disempurnakan oleh YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abd. Aziz bin Haji Nik Mat. Ini adalah merupakan program usahasama PKB dengan KRKB dalam perniagaan pajak gadai di cawangan Ar-Rahn Rantau Panjang. Sehingga Disember 2011 PKB telah mencatat pendapatan sebanyak RM20.782 juta dengan keuntungan bersih sebanyak RM4.087 juta.

Melalui Akedemi Permodalan, banyak program latihan yang dianjurkan untuk anggota Kumpulan PKB, antaranya;

- 1) Latihan untuk anggota Ar-Rahn yang merangkumi beberapa modul sebagaimana berikut:
  - a) Modul Ar-Rahn Khazanah – Untuk Pegawai Khazanah yang bertujuan memtapakkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan bilik kebal dan peti besi disamping topik yang merangkumi pembangunan insan, pengurusan dan perkhidmatan.
  - b) Modul Ar-Rahn Teller – Pegawai di kaunter yang bertujuan untuk memantapkan lagi kefahaman berkenaan dengan perkhidmatan dan prosidur kerja di kaunter di samping topik yang merangkumi pembangunan insan, pengurusan dan perkhidmatan.
  - c) Modul Ar-Rahn Penilai – Untuk Pegawai Penilai yang bertujuan memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran dan bidang penilaian emas di samping topik yang merangkumi pembangunan insan, pengurusan dan perkhidmatan.
- 2) Latihan intensif modul Ar-Rahn untuk Anggota Bank Muamalat, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS Holdings Sdn. Bhd.) dan Anggota Ar-Rahn. Latihan bertujuan memberi pendedahan dalam sektor perkhidmatan Pajak Gadai Islam dengan menekankan aspek pembangunan insan, pengurusan dan perkhidmatan.
- 3) Bengkel IT untuk anggota Kumpulan PKB
- 4) Peperiksaan Penilaian Kecekapan dan Program Induksi 2011 untuk semua anggota Kumpulan PKB.
- 5) Anjur Seminar dan kursus dari masa kesesama mengikut keperluan.

## **INFRA QUEST SDN BHD**

Sehingga akhir tahun 2011, IQSB memiliki 200 buah menara, lamp pole dan monopole untuk disewakan kepada operator telekomunikasi iaitu Celcom Malaysia Berhad, Maxis Broadband Sdn Bhd, Digi Telecommunication Sdn Bhd, Sapura Research Sdn Bhd, Packet One , YTL Communication dan Telekom Malaysia.

Dalam tahun 2011, IQSB menyiapkan menara , lamp pole dan monopole sebanyak 32 buah untuk syarikat YTL dan Celcom. IQSB juga telah dilantik oleh Celcom sebagai perunding menara untuk 5 buah tapak. Selain itu, IQSB juga menjadi One Stop Agency bagi kerja-kerja pembinaan menara Time 3 oleh syarikat Realm Energy sebanyak 30 buah menara.

IQSB juga telah memperolehi lesen Network Facility Provider (NFP) Extension yang membolehkan perniagaan diluaskan ke seluruh Negara. Selain dari itu IQSB juga memperolehi lesen Network Servis Provider (NSP) dan Application Service Provider (ASP) dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi kegunaan perniagaan baru seperti Wifi, CCTV dan Elektronik Bilboard.

### **Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun ialah:**

- Mesyuarat antara IQSB dengan Telcos dan SKMM di Pulau Langkawi pada 24 – 26 Januari 2011.
- Mesyuarat antara State Back Company (SBC) Wilayah Timur iaitu Infra Quest (Kelantan), Desa Bina (Terengganu) dan Touch Matrix (Pahang) dengan Telcos dan SKMM yang dirasmikan oleh En Shafie Harun, Pengarah SKMM Wilayah Timur di Pulau Redang pada 24 – 26 April 2011.

## **PROKEL MANAGEMENT SDN. BHD**

Prokel Management Sdn. Bhd. merupakan satu-satunya syarikat Kumpulan PKINK yang menjalankan aktiviti pengurusan harta milik PKINK. Ditubuhkan pada 30 Oktober 1986 dan mula beroperasi pada 1 Disember 1986 dengan modal saham RM100,002. Diantara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat adalah :-

- Mengendalikan pengurusan sewa dan pemasaran premis kosong milik PKINK.
- Menyelenggara perkhidmatan mekanikal, elektrikal, struktur dan peralatan awam di bangunan milik PKINK.
- Menyediakan perkhidmatan pengurusan kebersihan.
- Menyediakan perkhidmatan pengurusan perlindungan
- Menyediakan perkhidmatan pengurusan keselamatan harta.
- Menyediakan perkhidmatan pengurusan cukai bandar.
- Mengurus kutipan tempat letak kereta.
- Menjalankan aktiviti pengurusan projek selaku perunding kontraktor.

Bagi tahun 2011, keuntungan bersih sebelum cukai untuk syarikat ini adalah sebanyak RM163,925 manakala keuntungan terkumpul sehingga 2011 sebanyak RM699,695.

## **ICT INCUBATOR CENTRE SDN BHD**

Sehingga akhir tahun 2011, IICSB telah melaksanakan 16 program seminar dan kursus untuk usahawan, serta memberi kursus kepada Kumpulan PKB dalam pembangunan Laman Sesawang. Selain itu IICSB juga telah membina lima sesawang untuk Jabatan Kerajaan dan Anak Syarikat PKINK. Antara kejayaan IICSB adalah dengan membantu pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan menjadi Johan dalam pertandingan laman sesawang antara Jabatan. IICSB juga telah dipanggil bagi memberi bantuan teknikal serta khidmat nasihat kepada RTM Kelantan dalam membina dan menyelaras semula rangkaian komputer serta pelayan laman sesawang Ibu Pejabat RTM Kelantan. Selain itu juga pihak IICSB telah mengambil peranan bagi menyiapkan tugas daripada pihak RTM Kelantan dalam menyediakan montaj tv bagi ditayangkan di rangkaian tv dan angkasapuri.

Pada tahun tersebut juga IICSB telah memperolehi lesen daripada Kementerian Kewangan yang membolehkan pihak IICSB mengembangkan lagi perkhidmatan dan pembekalan kepada Jabatan dan Kementerian Kerajaan. IICSB juga telah membangunkan satu Portal Informasi Negeri Kelantan iaitu [www.come2kelantan.my](http://www.come2kelantan.my). Portal ini mendapat pembiayaan dari pihak Kementerian Kewangan. Portal ini dibangunkan bagi menjadi tapak maklumat berkenaan tempat-tempat menarik, hotel, perkhidmatan serta restoran dan makanan yang menjadi tarikan kepada pengunjung dalam dan luar Negeri Kelantan. Portal ini juga dibangunkan sempena Tahun Melawat Kelantan 2012.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 ialah:

1. Seminar Keusahawanan ICT Kelantan 2011
2. Seminar SME Business Success with ICT
3. Karnival ICT Jeli
4. Kursus Advanced Joomla
5. Kursus Advanced Wordpress
6. Kursus Rawatan Akupuntur
7. Kursus Coach SLDN (Khas)
8. Karnival e-Government
9. Karnival Kerjaya dan Usahawan Kreatif Kelantan 2011
10. Program Mental Arithmetik
11. Kursus Laman Web Kumpulan PKB
12. Program ICONapps Mobile App Developer Programmer-IOS
13. Program Pitching ICON2
14. Kelas Pengendalian Laman Web Kijang Kuari
15. Kelas Adobe Photoshop
16. Majlis Pelancaran Pelan ICT Kelantan 2011
17. Lawatan Pengerusi MDeC Tan Sri Abdul Halim
18. Lawatan Delegasi India ke IICSB

### **UB CONSULT SDN BHD**

Bagi tahun 2011, Syarikat telah menjalankan aktiviti terasnya dengan memberi Perkhidmatan Kesetiausahaan kepada pelanggannya, disamping memberi lain-lain Perkhidmatan Korporat seperti Penyediaan Akaun dan e-Perolehan. Prestasi Syarikat bagi tahun 2011 adalah memberangsangkan dengan mencatat Untung Bersih sebelum cukai dan agihan sebanyak RM129,255.65

## **SEKTOR HARTANAH DAN PEMBINAAN**

### **BAHAGIAN PROJEK DAN HARTANAH**

Di Sepanjang tahun 2011, Bahagian Projek & Hartanah telah merancang dan membangunkan projek - projek pembangunan hartaanah, operasi perlombongan dan pengambilan tanah kerajaan dan pembelian tanah iaitu :

#### **Projek Pembangunan Hartanah**

Beberapa projek pembangunan hartaanah yang melibatkan projek-projek usahasama dengan syarikat-syarikat anak sebagai pemaju yang berjaya dibangunkan adalah:

- Cadangan Pembangunan Perumahan Bercampur di Mukim Selehong Utara dengan SPP Development Sdn Bhd
  - 72 unit rumah teres
  - 22 unit lot banglo
- Cadangan Pembangunan 45 unit rumah teres Taman Kifayah PT 6133-6177, Mukim Jeli Tepi Sungai Fasa 3, Jeli Kelantan oleh Binaraya PKINK Sdn Bhd.

#### **Operasi Perlombongan**

Pada tahun 2011, dua (2) buah lombong emas telah beroperasi iaitu di Sokor, Tanah yang dilaksanakan oleh CNNM Sdn Bhd di Sokor dan di Pulai, Gua Musang yang dilaksanakan oleh Pulai Mining Sdn Bhd.

Manakala lombong marmar juga telah memulakan operasinya yang terletak di Bukit Batu Bong Gua Musang yang dilaksanakan oleh CEP Resources Sdn Bhd.



## **Perolehan/Pengambilan Balik Tanah**

Bahagian Hartanah juga telah membuat permohonan milik dan pengambilan balik tanah

<b>Bil</b>	<b>Lokasi Tanah</b>	<b>Luas</b>	<b>Cadangan Projek</b>
1	Lot 839, Mukim Tanjung Chat Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu	5 ekar	Pembinaan projek apartmen
2	Lot 1912, Mukim Jeli Tepi Sungai, Jeli Kelantan	9.7035	Projek perumahan

## **BINARAYA PKINK SDN BHD**

Sepanjang tempoh ini, sebanyak 36 unit rumah kediaman telah berjaya disiapkan. Daripada jumlah tersebut 25 unit ialah rumah banglo satu tingkat, masing-masing di Taman Cahaya Binaraya (Fasa 2A), Tanah Merah 16 unit dan Taman Sri Mesa Binaraya (Fasa 1D), Pasir Mas 9 unit. Manakala Perumahan PKINK Machang (Fasa 4B) menyediakan 11 unit rumah teres dua tingkat.

Projek-projek yang masih dalam pembinaan sepanjang tempoh tersebut ialah:

1. 37 unit rumah teres 1 tingkat, Desa A-Rahman Binaraya (Fasa 1D), Kuala Krai
2. 16 unit rumah banglo 1 tingkat, Taman Itqan, Badak Mati, Kota Bharu.
3. 80 unit rumah teres 1 tingkat, Taman Kifayah Binaraya (Fasa 2), Jeli.
4. 31 unit rumah teres 1 tingkat, Perumahan PKINK Machang (Fasa 5B)
5. 16 unit rumah banglo 2 tingkat, Taman Binaraya 3, Limbat
6. 30 unit rumah teres 1 tingkat, Taman Ubudiyah, Labok Machang.

Sementara itu beberapa projek baru yang dirancang akan dibina pada tahun 2012 ialah 10 unit rumah teres 2 tingkat Perumahan PKINK Machang (Fasa 5C), 60 unit rumah teres 1 tingkat Taman Sri Mesa (Fasa 2), Pasir Mas, 4 unit rumah banglo 1 tingkat dan 2 unit rumah berkembar 2 tingkat Taman Binaraya 2, Limbat dan 6 unit rumah berkembar 2 tingkat dan 1 unit rumah banglo 2 tingkat Taman Kurnia Jaya (fase 6A), Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

## **PROFIL IMPIAN SDN BHD**

Syarikat Kumpulan Binaraya PKINK Sdn Bhd ini masih lagi meneruskan projek sambungan yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya melibatkan pembangunan hartaanah di Taman Kurnia Jaya Pengkalan Chepa, iaitu 50 unit rumah teres 2 tingkat Taman Kurnia Jaya (Fasa 5A), Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

## **SINARAN PANTAI TIMUR CORSORTIUM BERHAD**

Syarikat Kumpulan Binaraya PKINK Sdn Bhd ini telah Berjaya menyiapkan 10 unit kedai/pejabat 3 tingkat (Fasa 2A), Bandar Baru Rantau Panjang, Pasir Mas sepanjang tempoh ini.

## KELKON SDN BHD

Pada tahun 2011, Kelkon mencatatkan anggaran keuntungan daripada keseluruhan aktiviti berjumlah RM1.2 juta. Keuntungan tersebut diperolehi hasil dari sumbangan aktiviti pembinaan projek-projek dan operasi Kelmix yang bernilai RM38 juta. Dalam tempoh tersebut, Kelkon giat menjalankan pembinaan 10 buah projek yang terdiri daripada sebagaimana berikut:

1. Jalanraya Bertingkat Pasir Mas
2. SMK Sungai Petai
3. SMK Badang
4. Jambatan Pengkalan Cina
5. SK Che Latif
6. Bangunan Pejabat Wakaf Bharu
7. Dewan Serbaguna Pas Bachok
8. Banglo Ulu Sat Machang
9. Bangunan Pejabat MD Jeli
10. Jalanraya Bertingkat Pasir Mas (Fasa II)

Kelkon telah berjaya menyiapkan separuh daripada projek - projek yang dijalankan sepanjang tempoh 2011. Diantaranya ialah Bangunan Pejabat Pas Kawasan Wakaf Bharu, siap sepenuhnya pada 16 Julai 2011. Projek Jalanraya Bertingkat Pasir Mas pula diantara projek berskala besar telah berjaya disiapkan pada 28 Ogos 2011. Tiga buah projek sekolah juga telah berjaya disiapkan dalam tahun 2011, iaitu Sekolah Menengah Badang, Bangunan Tambahan Sekolah Kebangsaan Che Latif dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Petai, iaitu masing-masing pada 5 Oktober, 30 November dan 18 Disember 2011.

Hasil daripada menyiapkan projek Jalanraya Bertingkat Pasir Mas, Kelkon telah Berjaya mendapat kepercayaan melaksanakan Fasa II bagi projek tersebut yang melibatkan jalanraya susur keluar daripada Pasir Mas ke Meranti. Projek tersebut bernilai RM4.8 juta telah pun dimulakan pada 1 Oktober 2011 dan dijangka siap pada 30 September 2012.

Sepanjang tahun 2011, Kelkon sentiasa giat mencari lokasi-lokasi yang berpotensi untuk dimajukan di seluruh Kelantan. Terbaharu Kelkon telah menjadi "project initiator" kepada projek pembinaan Menara Sireh setinggi 30 tingkat yang terletak di kawasan Lembah Sireh, Kota Bharu, Kelantan. Kelkon melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah menandatangani perjanjian usahasama dengan ARA ASA Property Development bagi menjayakan projek tersebut. Menara Sireh dijangka akan dimulakan pembinaannya pada pertengahan tahun 2012.

## SPP DEVELOPMENT SDN BHD

Prestasi keseluruhan syarikat menyaksikan keuntungan bersih sebelum cukai RM1.648 juta dan terkumpul RM6.856 juta, iaitu peningkatan sebanyak 31.65% secara kumulatif berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan untung disumbangkan oleh pengurusan berhemah dan peningkatan pendapatan dari penjualan rumah kediaman di Kota SPP Warisan dan Rumah Kedai Dusun Muda selain projek-projek lain.

Faktor pasaran dan strategik pemasaran yang berkesan telah memainkan peranan yang penting selain kepercayaan pembeli kepada projek-projek SPP. Sepanjang tahun 2011, sejumlah 25 unit rumah kediaman dan 13 unit rumah kedai telah dijual dengan nilai jualan RM10.685 juta. Jumlah tersebut merangkumi projek-projek berikut:-

1. 1 unit rumah kedai Tanah Merah
2. 19 unit rumah teres Kota SPP Warisan (Fasa 2B)
3. 8 unit rumah kedai Kota SPP Warisan (Fasa 2B)
4. 3 unit rumah teres 2 tingkat Kota SPP Warisan
5. 4 unit rumah kedai Dusun Muda
6. 3 unit rumah teres Taman SPP Permai, Kubang Gatal

Syarikat telah membuat penyerahan kunci secara berperingkat kepada pembeli 22 unit banglo Kota SPP Warisan dan 70 unit banglo dan rumah teres Taman SPP Permai pada tahun 2011.

Projek-projek yang dirancang pada tahun 2012 ialah 72 unit rumah teres (Fasa 2B), 22 unit rumah banglo 1 tingkat (Fasa 3A/1), 6 unit rumah banglo 2 tingkat (Fasa 5) Kota SPP Warisan dan apartment servis 25 tingkat yang dikenali sebagai D'Perdana Residency Sri Cemerlang di Jalan Sri Cemerlang, Kota Bharu.

## KIJANG KUARI SDN BHD

Sepanjang tahun 2011, Kijang Kuari Sdn Bhd telah memperolehi beberapa projek yang dapat menjana pendapatan yang memberangsangkan. Selain projek "Central Contract" bernilai RM16.10 juta yang diperolehi daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), syarikat juga telah mendapat beberapa projek untuk membina jalan di projek-projek perumahan dan kilang bagi syarikat-syarikat anak PKINK yang berjumlah sebanyak RM9.18 juta.

Bagi mengimbangi aktiviti-aktiviti perniagaan, aktiviti-aktiviti sosial juga tidak dilupakan dengan mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang melibatkan penduduk setempat. Dengan perancangan yang mantap dan diterajui oleh barisan pengurusan yang berpengalaman serta dibantu anggota yang komited, diyakini syarikat akan lebih dinamik dan berdaya maju di dalam menerokai bidang pengkuarian ini.

## SUMBER GALIAN

### KELSTONE

Kelstone Sdn Bhd ditubuhkan untuk bergiat dalam bidang industri berasaskan sumber mineral di Kelantan. Operasi Kelstone sepanjang tahun 2011 memberi tumpuan kepada:

#### 1. Projek Perlombongan Emas Pulai Mining Sdn Bhd

Pihak Pulai Mining Sdn Bhd (PMSB) telah memulakan operasi perlombongan emas bagi ML 4/2010 (62.59 ha) pada 31 Mac 2011. Sehingga Disember 2011 operasi perlombongan telah menghasilkan jumlah pengeluaran emas mentah sebanyak 31,327.05 gram dengan nilai jualan sebanyak RM4,282,374.63. Tribute bagi Kelstone pula adalah bernilai sebanyak RM428,237.46



Bagi Blok A (194 ha) iaitu pajakan melombong ML 5/2010, telah memulakan operasi perlombongan pada 27 Ogos 2011. Sehingga Disember 2011 operasi perlombongan dikawasan tersebut telah menghasilkan jumlah pengeluaran emas mentah sebanyak 29,402.54 gram dengan nilai jualan emas sebanyak RM4,545,704.82. Manakala Tribute kepada Kelstone adalah sebanyak RM454,370.48

Permohonan kawasan Blok B (190 ha) telah diluluskan oleh Pihak Berkua Negeri Kelantan dan pada 7 Julai 2011 Pajakan Melombong ML 1/2011 telah didaftarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kelantan. Pihak kontraktor lombong PMSB pada masa kini sedang memulakan kerja-kerja pembangunan tapak di kawasan tersebut. Pihak PMSB juga telah memohon supaya kesemua "tenement" mineral bagi Blok Pulai iaitu EL 1/2010, ML4/2010, ML 5/2010 dan ML 1/2011 dipindahmilikan kepada mereka.

#### 2. Perlombongan Emas di Hulu Sokor (Sumber Indah Prima Sdn Bhd

Projek perlombongan emas di Hulu Sokor oleh Sumber Indah Prima Sdn Bhd (SIPSB) masih belum dijalankan. Pihak SIPSB telah merancang untuk menjalankan kaedah perlombongan secara 'Hardrock Mining' di kawasan tersebut. Sehingga kini pihak SIPSB sedang menjalankan kerja-kerja kajian yang melibatkan kaedah kajian sebagaimana berikut:

- Sampel Tanah dan Sampel Rapat – Pengumpulan sampel tanah sehingga kini telah lengkap sebanyak 84%. Kerja-kerja pengumpulan sampel ini telah menghadapi masalah yang disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak menentu dan kontur permukaan bumi di kawasan tersebut adalah curam.
- "Trenching" – "Gold Vein" atau urat emas di dalam permukaan bumi yang dijumpai di kawasan berkenaan sejak kerja-kerja kajian melalui kaedah "Trenching" dijalankan dan didapati saiz urat emas yang dijumpai tersebut adalah mempunyai saiz yang tidak menarik.
- "Drilling" dan "Coring" – Kaedah ini melibatkan kerja-kerja mencarigali potensi emas di kawasan tersebut. Namun begitu, kerja-kerja ini masih belum dilaksanakan oleh pihak SIPSB kerana menghadapi kesukaran untuk menentukan lokasi yang sesuai bagi menjalankan kaedah kajian secara "Drilling"



### **3. Projek Perlombongan Felspar di Pulai, Gua Musang**

Pengeluaran Felspar oleh Pulai Mining Sdn Bhd (PMSB) masih beroperasi sehingga kini dengan jumlah pengeluaran sebanyak 32,886. 12 tan metrik bagi bulan Januari hingga Disember 2011. Nilai Jualan adalah sebanyak RM1,151,014.20, manakala tribute kepada Kelstone adalah sebanyak RM46,222.88

### **4. Projek Perusahaan Batu Marmor**

Pada masa kini pihak CEP Resources Entity Sdn Bhd (CEP) sedang giat melakukan kerja-kerja letupan secara “Vertical” dan “Horizontal” di atas kawasan selatan Bukit Batu Bong bagi membolehkan kerja-kerja pengeluaran blok marmor dijalankan.

Walau bagaimanapun, perancangan pihak CEP bagi mengeluarkan blok marmor pada bulan Ogos tidak dapat dilakukan. Pihak CEP menjangkakan pengeluaran blok marmor akan dapat dikeluarkan pada penghujung bulan November 2011 dan kemungkinan besar akan menjana pendapatan pada awal Mac 2012.

### **5. Projek Perusahaan Barite di Sungai Pedah**

Pihak Pengurusan telah bersetuju membenarkan Kijang Baraite Sdn Bhd (KBSB) meneruskan operasi pengeluaran barite, setelah pihak pengurusan KBSB menunjukkan minat untuk meneruskan projek perlombongan tersebut, dengan syarat pihak KBSB membayar pendahuluan tribute sebanyak RM30,000.00 untuk tempoh tiga bulan pertama dan perlu membayar deposit royalti barite sebanyak RM10,000.00 kepada Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kelantan. Disamping itu juga, pihak KBSB perlu menyediakan segala laporan teknikal projek tersebut yang tertunggak sebelum ini untuk dikemukakan kepada PTG Negeri Kelantan.

## **SEKTOR PERKAYUAN**

### **KOMPLEKS PERKAYUAN KELANTAN SDN BHD**

Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd (KPKSB) menjalankan aktiviti dalam sektor perhutanan dan pembalakan secara aktif dengan penjualan balak, jualan balak pukal dan jualan kayu gergaji dengan keluasan kawasan kerja 1,878 ekar. Jumlah pengeluaran balak dan kayu gergaji adalah 1,781 dan 5,617 tan masing-masing. Dalam tahun 2011 KPKSB mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.110 juta. Sepanjang tahun 2011, beberapa aktiviti telah dilaksanakan seperti:

1. Pada 8 – 9 Februari 2011 telah mengadakan perbincangan perancangan strategik diantara Pihak Pengurusan dengan Ahli Lembaga Pengarah KPKSB. Perbincangan yang diadakan di Dewan Duyung, Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu ini adalah bertujuan untuk membuat perancangan halatuju KPKSB bagi jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang.
2. Bertempat di Sawmill KPKSB, Kampung Stong, Kuala Krai, pada 6 – 7 Mac 2011 satu latihan sistem stok – balak dan kayu gergaji telah diberikan kepada kakitangan yang terlibat dengan kerja operasi pembalakan dan pengilangan kayu. Disamping itu sistem kerja secara manual diubah kepada sistem kerja secara berkomputer.
3. Seminar penghayatan Islam yang telah diadakan pada 3 April 2011 bertempat di Dewan Stong Hill Resort, Jelawang, Kuala Krai adalah merupakan salah satu program pembangunan insan yang akan dilaksanakan dari semasa ke semasa kepada kakitangan KPKSB, bagi melahirkan pekerja yang berilmu, berdisiplin, amanah dan berdaya saing.
4. Mengadakan solat hajat sempena pejabat baru KPKSB bertempat di Tapak Pejabat KPKSB yang baru diimani oleh YB Hj. Hassan Hj. Mahamood, Pengarah KPKSB bersama-sama dengan anggota. Pembinaan ini bagi menggantikan pejabat sediada yang telah usang dan tidak dapat menampung pekerja yang semakin ramai, setelah anggota KPKSB daripada Kota Bharu berpindah ke KPKSB Kampung Stong.
5. Menganjurkan majlis berbuka puasa, solat sunat tarawih dan qiamullai di Kem Pasik, Gua Musang untuk anggota KPKSB pada 24 Ramadhan 1432H bersamaan 24 Ogos 2011.
6. Majlis berbuka puasa dan tazkirah Ramadhan antara anggota KPKSB bersama Lembaga Pengarah telah diadakan pada 21 Ramadhan 1432H bersamaan 21 Ogos 2011 bertempat di Warehouse Kilang KPKSB, Kampung Stong, Kuala Krai.
7. Majlis sambutan Hari Raya Aidil Fitri telah diadakan pada 28 September 2011 bertempat di Perkarangan Surau KPKSB. Majlis yang bermula jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang ini turut dihadiri Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah KPKSB disamping anggota dan keluarga serta penduduk setempat. Di majlis ini juga dilancarkan projek perumahan KPKSB yang dibuka untuk jualan kepada orang ramai.

8. Majlis Ijtimaq Qurban 1432H telah diadakan pada 13 Zulhijjah 2432 bersamaan 9 November 2011 bertempat di Perkarangan Surau KPKSB. Sebanyak 4 ekor lembu diqurbankan dan daging tersebut di bahagikan kepada anggota dan penduduk tempatan.
9. Majlis perjumpaan semua anggota KPKSB dengan Pengerusi pada 21 November 2011 bertempat di Dewan Stong Hill Resort.
10. Majlis pelancaran pejabat cawangan KPKSB di Unit 11F Tingkat 6, Worldwide Business Park, Jalan Tinju 13/50 Blok 2, Sek. 13 Shah Alam, Selangor pada 27 Oktober 2011. Pejabat ini bertindak sebagai Trading Office untuk jual beli kayu gergaji.
11. Kem Bina Insan untuk semua anggota KPKSB telah diadakan pada 21 – 22 Disember 2011 bertempat di Kesedar Inn, Gua Musang. Antara program yang dijalankan ialah tazkirah, ceramah motivasi dan qiamullai. Program ini bertujuan untuk meningkatkan dan membina modal insan yang mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi & berdisiplin serta berproduktif.

## **PERTANIAN DAN AGRO BISNES**

### **KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD**

KPKB merupakan syarikat induk kepada 3 buah syarikat lain iaitu Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd (DAMAI), Murni Marketing Sdn Bhd (MMSB) dan KPKB Livestock Sdn Bhd (KLSB).

Peranan utama KPKB ialah melaksanakan pembangunan sektor pertanian secara komersial di negeri Kelantan ke arah meningkatkan usaha-usaha menjadikan negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara serta menjadikan sektor pertanian sebagai Teras Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan.

Antara bidang utama aktiviti KPKB dan syarikat anaknya adalah sebagaimana berikut:

- i) Pengeluaran baya padi di bawah Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Negeri Kelantan
- ii) Membekalkan input pertanian di bawah projek Hijau Sejahtera Kerajaan Negeri Kelantan
- iii) Urusetia bantuan beras kepada rakyat termiskin di bawah Skim Al-It'aam Kerajaan Negeri Kelantan
- iv) Pembangunan Ladang Buah-Buahan melalui Dusun Ladang Rakyat di Jeli, Relai dan Lojing oleh anak syarikat DAMAI
- v) Menyediakan pusat jualan benih pokok buah-buahan dan bunga oleh DAMAI
- vi) Pengedar produk jenama Alif keluaran Sime Darby Food & Beverages Marketing Sdn. Bhd. seperti minyak masak, susu pekat manis dan minuman Pink Guava oleh MMSB
- vii) Industri membuat minuman Roselle dan produk berdasarkan roselle jenama CRISTAL™ oleh MMSB
- viii) MMSB menjadi vendor kepada produk-produk IKS seperti sos pencicah, kicap, cuka dan lain-lain produk berjenama KELATE™
- ix) Menawarkan perkhidmatan kontrak pembuatan kepada pengusaha-pengusaha yang tiada kemudahan pemprosesan untuk mengeluarkan produk di bawah jenama sendiri.

KPKB dan syarikat-syarikat anak sedang berusaha keras untuk memajukan industri pertanian bagi menjadi pemangkin kepada teras pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan di dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan Negeri bagi menjadikan Negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan Nagara 2015.

## DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN BHD

Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd (DAMAI) berperanan untuk menjana pembangunan dan penjualan ladang buah-buahan yang dikenali sebagai Ladang Rakyat Dataran Rabuah (LRDR) serta menguruskan proses senggaraan ladang-ladang tersebut.

Setakat ini DAMAI telah berjaya memajukan LRDR Jeli (261 lot), LRDR Lojing Fasa I (96 lot), LRDR Lojing Fasa II (99 lot), LRDR Lojing Fasa III (144 lot) dan LRDR Mukim Relai (116 lot). Daripada jumlah 716 lot ini, sebanyak 624 lot telah dijual (87%) manakala baki 92 lot (13%) masih ditawarkan untuk jualan kepada orang ramai termasuk lot-lot curam sebanyak 51 lot.

Syarikat juga mempunyai sebuah tapak semaihan di Kawasan Mukim Apam, Pasir Mas yang bukan sahaja membekalkan pokok benih buah-buahan, herba dan bunga-bungaan, tetapi turut mempunyai kebun limau madu dan kelapa pandan.

Damai dengan kerjasama Syarikat Fresh Momentum Sdn Bhd (FMSB) telah menujuhkan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan hasil pertanian tanah tinggi (CCPC). Pihak FMSB sedang dalam penyediaan tapak untuk pembinaan bangunan CPPC yang dijangka siap pada tahun 2012. Selain itu juga Damai telah merancang untuk mendapatkan 1 unit lot perniagaan buah/sayuran di TEMAN Kota Bharu, bagi pemasaran hasil Tanah Tinggi.

Beberapa projek baru telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun-tahun akan datang seperti perlombongan bijih besi secara usahasama di kawasan LRDR Jeli, dan juga pembangunan estet walet di Mukim Apam, Pasir Mas.

## PELANCONGAN DAN REKREASI

### PERDANA RESORT SDN BHD

Dengan keluasan tanah seluas 36 ekar dan kedudukan yang strategik, Perdana Resort Sdn Bhd (PRSB) merupakan khazanah yang amat bernilai sekiranya diberi tumpuan dan perhatian yang wajar. Oleh yang demikian, pelbagai usaha dan pelan pembangunan bersepadu perlu diteruskan bagi menterjemahkan aspirasi serta visi dan misi syarikat ke arah kemantapan dan memperkasakan perniagaannya. Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 sebagaimana berikut:

1. Melaksanakan misi pemasaran dan komunikasi ke seluruh daerah di negeri Kelantan serta negeri lain di Semenanjung Malaysia meliputi sektor awam, swasta dan NGO. Penekanan dan tumpuan adalah kepada pakej seminar, mesyuarat dan induksi, kerana ia dapat menyumbangkan pendapatan yang berskala besar kepada syarikat.
2. Program gotong royong dilaksanakan secara berterusan bukan sahaja sebagai suatu langkah penjimatan malah untuk memupuk silaturahim yang lebih akrab di kalangan seluruh wargakerja Perdana Resort.
3. Memastikan semua anggota sentiasa komited, cekap dan berdedikasi dengan mengadakan kursus-kursus dan latihan yang berterusan, samada anjuran dari pihak luar mahupun dalaman.
4. Seiring dengan hasrat pihak pengurusan untuk menjadikan PRSB sebagai destinasi pelancongan yang menerapkan 'Syariah Compliance' dalam urus tadbirnya, pelbagai aktiviti sosial seperti solat hajat, solat dhuha dan tazkirah diadakan sepanjang tahun dan solat tarawih sepanjang Ramadhan.
5. PRSB juga tidak lupa pada program CSR. Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya PRSB memanfaatkan bulan Ramadhan dengan mengadakan program berbuka puasa dengan badan-badan kebajikan terpilih, disamping sumbangan juadah berbuka puasa kepada masyarakat setempat, pengunjung atau penjaga pesakit di Wad Kanak-Kanak Hospital Raja Perempuan Zainab 2 Kota Bharu dan Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian.
6. Dalam memupuk semangat kekitaan dikalangan pekerja, PRSB turut mengadakan aktiviti hari keluarga, jamuan makan malam tahunan, aktiviti sukan dan riadah, lawatan sambil belajar dan mengambil bahagian dalam kejohanan sukan antara hotel anjuran Persatuan Hotel Malaysia (Kelantan Chapter).
7. Menaiktaraf bilik penginapan dan dewan dengan cara mengecat premis, pembelian peralatan baru termasuk pemasangan saluran ASTRO ke semua 85 unit chalet kategori Superior dan Deluxe serta pengubahsuai dan 'upgrading' bilik air. PRSB juga telah membuat penukaran perisian sistem hotel yang baru Acsuss bagi menggantikan perisian yang lama (Integra) agar perjalanan operasi Jabatan Front Office dan Housekeeping berjalan dengan lancar.

Pengurusan PRSB akan terus berusaha untuk membuaikan keuntungan melalui strategik pemasaran yang lebih efisien serta menaruh harapan yang tinggi agar pelan pembangunan yang telah dirancang seperti pembinaan Taman Tema Air dapat direalisasikan dengan secepat mungkin di samping perancangan melaksanakan program perniagaan yang lebih agresif melalui peningkatan di dalam jualan serta mengurangkan kos operasi dan pentadbiran.

## KELANTAN TRADE CENTRE

KTC Convention & Apartment Sdn Bhd (KTCC&A) merupakan sebuah pusat hospitaliti yang menawarkan pusat konvensyen dan seminar, serta kemudahan apartmen penginapan sebanyak 66 unit. Diantara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2011 adalah:

1. Turut terlibat dalam mempromosikan produk pelancongan Negeri Kelantan sempena MATTA Fair di PWTC.
2. Menganjurkan ekspo kesihatan dan kecantikan di konvensyen hall KTCC&A. Ekspo ini untuk memeriahkan lagi Karnival Jom Heboh di Kelantan.
3. Menganjurkan solat hajat dan sambutan Maulidur Rasul untuk semua anggota KTCC&A, pemilik-pemilik apartment dan pekerja JMB KTC.
4. Mangadakan majlis tadarus Al-Quran dan majlis berbuka puasa bersama warga emas Rumah Sri Kenangan sempena bulan Ramadhan yang melibatkan semua anggota KTCC&A.
5. Mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri untuk semua anggota, pembekal dan pemilik apartment.



# CORPORATE REPORT

## HUMAN RESOURCE MANAGEMENT DIVISION

The Human Resource Management Division plays an important role in managing the workforce to ensure it is at a satisfactory level of efficiency and deployed in the most optimum manner. In addition, the division is responsible for ensuring administrative and management efficiency as well as providing appropriate training or courses according to the needs of the personnel such as courses organised by the private sector or the government.

In order to strengthen and enhance the capacity and efficiency of human resources in the organisation, PKINK constantly checks and examines the position of all personnel especially in terms of job placement and job requirements to ensure the appropriateness and effectiveness of work at all levels of management and administration.

To improve the level of knowledge, attitude and discipline of PKINK personnel, several training programmes were organised in 2011. They included motivational talks, health talks, spiritual lectures as well as seminars and courses in their various related fields to improve the efficiency of the PKINK personnel.

In addition, the personnel were also given the opportunity to improve their skills by attending courses organised by INTAN, the Office of the Kelantan State Secretary and other professional bodies.

## CORPORATE PLANNING DIVISION

In 2011, the Corporate Planning Division continued to pursue the division's mission to ensure the group's every involvement in investment activities, either directly or through the subsidiaries, gave PKINK targeted returns. This was achieved through serious monitoring of the operations and financial management of the corporation and its subsidiaries so as to be consistent with the respective objectives of their establishment and to comply with the approved budget. Monitoring of the PKINK Group business expansion was also emphasised so as not to fall into the 'red ocean' and to correspond with the ability of the company.

### 1) Monitoring of Subsidiaries

As in previous years, the division's main activities in 2011 were to evaluate, monitor and regulate the financial performance and physical implementation of the subsidiaries. A total of 22 subsidiaries were under the monitoring and supervision of the division in 2011.

The mechanism for monitoring these subsidiaries was through reviews of monthly financial and operational reports presented by the subsidiaries. Each quarter, all members of the senior management of the subsidiaries would be called for the Subsidiary Investment Committee meeting. In 2011, the meeting was held four (4) times, namely in February, June, August and November. Presentation of the subsidiaries' 2011 revised budgets and 2012 budgets was also conducted via the same platform. Through these meetings, not only the financial and operational performance of subsidiaries could be explained, matters related to the management and planning and implementation of new projects and programmes were also discussed.

From the meetings and presentations, the PKINK Group Subsidiary Performance Report is prepared and presented to the board of the corporation on a quarterly basis for information and recommendation. In 2011, the board approved in principle the implementation of the group's Transformation Plan which had been designed by its consultant, Insight Value Sdn Bhd, since 2010. A special committee was set up to further scrutinise its modus operandi.

In order to fulfil the trust of ensuring the group's investments produced commensurate and optimised returns, the division's representatives embarked on a work mission to Chengdu, China from 26 October until 1 November 2011 to survey the credibility of investors who had shown interest to re-develop the Perdana Resort site in the Cahaya Bulan Beach. Following their return, the division remained as the mediator's office for formal communication and information exchanges between PKINK and the investors. The division was also directly involved in the recovery and reconstruction of the Perdana Resort through membership in the Enhancement Committee set up by the corporation so that closer monitoring could be undertaken by the head office on the company's progress.

### 2) Monitoring of Projects

The division continued to act as secretariat for the PKINK Investment Committee, which evaluated and certified all new investment proposals by PKINK and its subsidiaries, and ensured that the proposals approved by the board were carried out smoothly and properly. Meetings were convened eight (8) times in 2011 where all issues and problems related to development projects were identified and their solutions formulated, thus the problems could be dealt with more effectively and quickly. In 2011, a total of 35 major projects were scrutinised by the Investment Committee.

The PKINK Investment Committee also visited the Iskandar Regional Development Authority (IRDA) in Johor from 18 to 21 October 2011 to share knowledge and experience as well as explore the development that had taken place there.

## **2) Coordination of Malaysia Five-Year Plan Projects**

In February 2011, PKINK was directed by the Ministry of Finance to begin the process of submitting project proposals to secure the federal government's allocations under the Second Rolling Plan of the 10th Malaysia Plan for 2012 - 2013. The Corporate Planning Division continued to act as coordinator for e-applications and after several meetings with the Ministry of Finance, 4 out of the 15 proposed projects were shortlisted. However, only one project received the approval of the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department, namely the project to improve the PKINK Halal Product Manufacturing Complex in Pengkalan Chepa, with the approved allocation of RM7.6 million.

## **3) Coordination of Malaysia Five-Year Plan Projects**

In February 2011, PKINK was directed by the Ministry of Finance to begin the process of submitting project proposals to secure the federal government's allocations under the Second Rolling Plan of the 10th Malaysia Plan for 2012 - 2013. The Corporate Planning Division continued to act as coordinator for e-applications and after several meetings with the Ministry of Finance, 4 out of the 15 proposed projects were shortlisted. However, only one project received the approval of the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department, namely the project to improve the PKINK Halal Product Manufacturing Complex in Pengkalan Chepa, with the approved allocation of RM7.6 million.

The division also continued to serve as coordinator for preparation of reports on allocation expenditures and 9th Malaysia Plan achievements for submission to the Ministry of Finance, in particular expenses for additional provisions approved at the end of 2010 for projects such as the Tok Bali stalls and Grilled Fish Arena in Kampung Siti Mani and the Centre for Entrepreneur Development & Halal Food SMEs in Pengkalan Chepa.

As the intermediary office with the Ministry of Finance, PKINK representatives also attended meetings of the Development Committee and Development Working Committee at the ministry level chaired by the Deputy Secretary-General of Treasury (Management) and Secretary of the Remuneration Policy and Public Money Division, which were attended by representatives of all departments and agencies under the ministry. The Development Committee meetings were held four times in 2011, and the Development Working Committee meetings at least six times. As a result of these meetings, the division's representatives managed to obtain the ceiling surplus of the ministry of RM400,000 for the development of the Kelantan Gateway Portal under "Notice of Change".

The division's representatives were also invited to workshops and courses related to application for allocations and expense reporting which were jointly organised by the Ministry of Finance and Implementation Coordination Unit of the Prime Minister's Department. In 2011 they attended workshops and courses on SPP II Improvement and application submission for the 2nd Rolling Plan of the Malaysia Plan held on 2 February 2011 and the Workshop on Outcome-Based Budgeting, Series 1 from 28 to 30 July 2011 and Series 2 on 27 to 29 August 2011 organised by the Ministry of Finance.

## **4) Coordination of the East Coast Economic Corridor (ECER) Projects**

Throughout 2011, the division continued its role as coordinator between PKINK and ECERDC in mushroom cultivation and vermicompost fertiliser projects. Project progress was reported periodically to ECERDC through the Suri@Home Programme Technical Committee meetings which were convened six (6) times.

Apart from the Suri@Home programme, the division also acted as coordinator for other ECERDC projects carried out on PKINK lands namely the Marine Industrial Park development in Tok Bali.

## **5) Industrial - Private Agency Collaboration**

In 2011, the division continued its role as coordinator for the collaboration between PKINK and SIRIM BHD to undertake a comprehensive study on the Halal Product Manufacturing Complex in Pengkalan Chepa, Kota Bharu which had stalled since 2010. After due diligence had been met, SIRIM submitted recommendations or proposals for improvement and upgrading of the factory premises in the complex for the purpose of obtaining halal, Good Manufacturing Practices (GMP) and Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) certification and provided working capital in the form of revolving funds. SIRIM's findings and reports were submitted to the Ministry of Finance and the Economic Planning Unit to retrieve the allocation that could not be released in 2010 of RM7.6 million. As described above, the application was approved under the 2nd Rolling Plan of the 10th Malaysia Plan and the withdrawal would be made in 2012.

## **6) Other Duties**

The division's other duties were coordinating the answers to questions raised in the State Legislative Assembly, providing input during the mid-term PKINK budget review and also presenting the corporate briefing for official visits of external parties from time to time.

